

Headline	SAMBUNG REBAT ELEKTRIK Bergantung kewangan negara		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	20
ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,773		



**Langkawi:** Keputusan sama ada rebat elektrik yang dinikmati 9.44 juta pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) sehingga 31 Disember ini diteruskan atau tidak akan ditentukan mengikut kedudukan kewangan negara.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata pihaknya sudah membawa perkara itu untuk dibincangkan di peringkat Kabinet namun keputusan mengennainya belum dibuat.

Jelasnya, rebat elektrik dua sen/kWj itu mula diberi kepada pengguna mulai 1 Julai lalu dan dijadual tamat pada penghujung tahun ini.

## SAMBUNG REBAT ELEKTRIK Bergantung kewangan negara

“Saya bawa perkara ini kepada perbincangan kerajaan, ia bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan, jika keadaan kewangan kerajaan mengizinkan rebat ini boleh diteruskan.

“Kita juga kena tunggu pembentangan Belanjaan 2022, jika (pemberian rebat) diluluskan Kementerian Kewangan maka boleh dilanjutkan, kita harap ada berita baik,” katanya dalam sidang media di Majlis Penyerahan Surat Niat Inisiatif Solar di Dermaga Tanjung Lembung di sini,

semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju; Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datu Ir Nawawi Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemaajuan Langkawi (Lada), Nasaruddin Abdul Muttalib.

Jun lalu, kerajaan mengumumkan pemberian rebat elektrik membabitkan peruntukan RM493 juta melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) bagi meringankan beban rakyat yang terkesan pandemik Covid-19.